

Gaji Ku Nan RM14,907.20 sebulan – Saksi

Malaysiakini

02 Julai 2019

Shakira Buang

Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur hari ini diberitahu bahawa bekas Menteri Wilayah Persekutuan Tengku Adnan Tengku Mansor telah menerima gaji sebanyak RM14,907.20 sebulan dari tahun 2013 hingga 2018.

Setiausaha Bahagian (Perlembagaan dan Urusan Parlimen), Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri Daman Huri Nor, 55, mengesahkan perkara itu ketika pemeriksaan utama oleh Timbalan Pendakwa Raya Julia Ibrahim.

“Gaji RM14,907.20 sebulan dan elaun RM24,320.00 sebulan yang diterima oleh Tengku Adnan dibayar oleh kerajaan mengikut kementerian masing-masing bagi tempoh parlimen penggal ke-13,” katanya ketika membacakan pernyataan saksinya pada hari pertama perbicaraan kes rasuah RM2 juta yang dihadapi Tengku Adnan.

Saksi ketiga pendakwaan itu turut mengesahkan Surat Cara Pelantikan Menteri Persekutuan bertarikh 16 Mei 2013 yang dikemukakan kepadanya oleh Julia.

Iklan

Menurut Daman Huri, dokumen tersebut (Surat Cara Pelantikan Menteri Persekutuan) adalah watakah pelantikan Tengku Adnan sebagai Menteri Wilayah Persekutuan.

“Saya juga sahkan bahawa Perakuan Tentang Kedudukan atau Jawatan yang dipegang oleh Tengku Adnan bertarikh 28 Julai 2018 disediakan oleh saya,” katanya.

Mengikut pertuduhan, Tengku Adnan sebagai seorang penjawat awam iaitu Menteri Wilayah Persekutuan didakwa telah menerima untuk dirinya wang berjumlah RM2 juta daripada ahli perniagaan, Tan Sri Chai Kin Kong melalui cek Hong Leong Islamic Bank milik syarikat Aset Kayamas Sdn Bhd yang didepositkan ke dalam akaun CIMB Bank milik Tadmansori Holdings Sdn Bhd yang beliau mempunyai kepentingan, yang diketahui syarikat Aset Kayamas ada perhubungan dengan kerja-kerja rasminya.

Beliau dituduh melakukan perbuatan itu di CIMB Bank Berhad, Cawangan Pusat Bandar Damansara, di sini pada 14 Jun 2016, mengikut Seksyen 165 Kanun

Keseksaan, yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Perbicaraan di hadapan Hakim Mohamed Zaini Mazlan bersambung esok dengan empat orang saksi dijangka memberi keterangan.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/482111>